

**Sultan Ibrahim Cadang Kerajaan Johor Kumpul Bahan Penulisan Sejarah Askar  
Timbalan Setia  
Bernama  
19 Julai, 2012**

JOHOR BAHRU, 19 Julai (Bernama) -- Sultan Johor, Sultan Ibrahim mencadangkan kepada kerajaan negeri Johor supaya berusaha mengumpul dan mengemaskini bahan penulisan berkaitan sejarah Askar Timbalan Setia Negeri Johor.

Bertitah pada istiadat perbarisan tamat latihan rekrut askar Timbalan Setia Negeri Johor di sini pada Khamis, baginda yang juga Komandan pasukan berkenaan turut berharap sebuah Muzium Askar Timbalan Setia Negeri Johor dapat diwujudkan.

"Saya mencadangkan kerajaan negeri terus berusaha mengumpul bahan penulisan dan sejarah pasukan supaya segala pengorbanan dan penglibatan pasukan ini pada masa silam dapat dikongsi bersama masyarakat.

"Sebuah muzium Askar Timbalan Setia Negeri Johor juga harus diwujudkan agar dapat dimanfaatkan oleh rakyat dan para pelancong yang datang ke negeri ini," titah baginda.

Sultan Ibrahim bertitah pasukan Askar Timbalan Setia Negeri Johor yang diasaskan sejak 126 tahun lalu melakar sejarah hari ini apabila seramai 61 orang anak Melayu Johor menamatkan latihan mereka dengan penuh adat istiadat perbarisan ketenteraan yang julung kali diadakan sejak 1947.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681783>

